

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK PAUL IGAI

TARIKH : 31 JULAI 2019 (RABU)

SOALAN NO. 59

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah kedudukan Malaysia dalam keputusan siasatan kes menembak jatuh pesawat MH17.

JAWAPAN:

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, sebagai anggota Pasukan Siasatan Bersama MH17 iaitu *Joint Investigation Team* (JIT) yang turut dianggota oleh Belanda, Ukraine, Australia dan Belgium, Malaysia tetap komited terhadap proses pendakwaan yang akan dilaksanakan oleh JIT dan akan sentiasa memastikan bahawa proses itu telus, boleh dipercayai dan berkesan.
2. Malaysia memberi sokongan sepenuhnya kepada negara Belanda yang telah dipilih untuk menjalankan pendakwaan nasional mengikut sistem perundangan negara tersebut. Malaysia juga akan memastikan pendakwaan yang akan dilakukan mestilah berdasarkan bukti dan tidak bermotivasikan politik.
3. Sepertimana pendirian sebelum ini, Malaysia akan berpandukan kepada fakta-fakta sahih dan bukti-bukti yang kukuh yang akan dikemukakan di dalam pendakwaan kelak. Malaysia juga mengambil pendirian tidak berpihak / "neutral" sehinggalah terbukti di mahkamah siapakah pelaku sebenar jenayah ini. Malaysia harus berpegang kepada prinsip ini dan tidak terseret ke dalam kancah permainan politik di antara barat dan negara Rusia.

Sekian, terima kasih.